

# Perintah Pengecualian Keluarga & Had Lawatan

## Apa itu Perintah Pengecualian Keluarga?

Ini adalah perlindungan untuk membolehkan individu mengecualikan ahli keluarga yang berjudi sehingga menyebabkan kemudaratan kepada keluarga daripada:

- Kasino-kasino di Singapura
- Bilik-bilik mesin Jackpot di kelab privet di Singapura
- Membuka atau memiliki akaun judi dalam talian Singapore Pools

## Apa itu Had Lawatan Keluarga?

Ini adalah perlindungan untuk membolehkan ahli keluarga menghadkan lawatan penjudi ke kasino setiap bulan. Definisi satu lawatan adalah tempoh sehingga 24 jam berada di kasino.



## Siapa yang boleh memohon?

Ahli keluarga terdekat: pasangan suami isteri, anak (termasuk anak angkat/tiri), ibu-bapa (termasuk ibu bapa angkat/tiri) dan adik-beradik (termasuk adik-beradik angkat/tiri).



## Sumber-sumber

### Pejabat kami terletak di:

510 Thomson Road, #05-01, Bangunan SLF,  
Singapura 298135

### Waktu Operasi:

Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi – 6.00 petang  
Jumaat: 8.30 pagi – 5.30 petang  
Tutup pada hujung minggu dan cuti umum

### Pertanyaan dan Temu Janji:

Tel: 6354 8154  
Emel: [admin@ncpg.org.sg](mailto:admin@ncpg.org.sg)

### Di mana saya boleh dapatkan bantuan?

Talian Bantuan Masalah Perjudian Kebangsaan di  
1800-6-668-668 atau Webchat di [www.ncpg.org.sg](http://www.ncpg.org.sg)  
8 pagi hingga 11 malam setiap hari

# Anda Punyai Hak. Lindungi Keluarga Anda.



## Mohon Perintah Larangan Keluarga atau Had Lawatan Keluarga



# Bagaimana untuk memohon Perintah Pengecualian Keluarga (FEO) atau Had Lawatan Keluarga (FVL)?

1



Imbas

Imbas kod QR atau hubungi Majlis Kebangsaan terhadap Masalah Perjudian ("NCPG") di 6354 8154.



2

Pemohon perlu menyediakan maklumat dan dokumen-dokumen berikut:

- Butiran peribadi diri anda dan Responden<sup>1</sup> (seperti Nama, nombor NRIC/FIN, nombor telefon dan alamat)
- Dokumen sokongan mengenai tingkah laku perjudian dan kemudaratan yang terjadi kepada keluarga, seperti:
  - Tiket levi masuk kasino, kad keahlian kasino, tiket loteri
  - Laporan polis mengenai keganasan keluarga
  - Penyata bank, surat tuntutan, tiket pajak gadai, bil kad kredit, nota I-Owe-You
  - Laporan polis mengenai gangguan, nota/bayaran pemiutang haram

3

NCPG akan menghubungi Pemohon dalam tempoh 3 hari bekerja untuk membuat susulan permohonan.



4

Satu perbincangan<sup>2</sup> akan dijadualkan kira-kira 2 minggu dari tarikh permohonan. Pemohon dan Responden dikehendaki menghadiri perbincangan di mana Jawatankuasa Penilai ("COA") akan menyemak permohonan tersebut.

Responden boleh memilih untuk bersetuju atau membantah perintah tersebut. Jika dia memilih untuk membantah tetapi tidak menghadiri perbincangan, COA boleh meneruskan untuk membuat keputusan dan mengeluarkan perintah.



5

Pemohon akan dimaklumkan tentang keputusan perbincangan melalui surat. FEO akan berkuatkuasa apabila perintah dihantar kepada Responden. Responden akan dikecualikan daripada:

- Memasuki atau berada di semua premis kasino;
- Memasuki atau berada di semua bilik<sup>3</sup> mesin jackpot di kelab privet kecuali untuk melakukan kerja<sup>4</sup> di dalam bilik-bilik tersebut;
- Mengakses perkhidmatan berkaitan<sup>5</sup> akaun Singapore Pools jika dia adalah pemegang akaun sedia ada; dan daripada membuka akaun jika dia bukan pemegang akaun sedia ada.

<sup>1</sup>"Responden" merujuk kepada individu yang dinamakan dalam permohonan tersebut.

<sup>2</sup>"Perbincangan" merujuk kepada sesi rasmi di mana permohonan anda akan didengar dan diadili.

<sup>3</sup>"Bilik mesin jackpot" merujuk kepada bilik mesin permainan di bawah Akta Kawalan Perjudian.

<sup>4</sup>Ini merujuk kepada skop "kerja yang ditentukan" di bawah Akta Kawalan Kasino.

<sup>5</sup>Ini merujuk kepada perjudian jarak jauh umum di bawah Akta Kawalan Perjudian.



## ? Soalan Yang Sering Ditanya

### Berapa lamakah FEO / FVL berkuatkuasa?

FEO / FVL akan terus berkuatkuasa melainkan ia dibatalkan. Responden boleh memohon untuk pembatalan hanya selepas 12 bulan dari tarikh perintah.

### Atas dasar apakah FEO / FVL akan diluluskan?

COA mengambil kira sama ada tingkah laku perjudian dan tindakan Responden menyebabkan penderitaan kepada keluarga mereka.

### Bolehkah saya memilih untuk melarang Responden daripada hanya satu produk perjudian?

Perintah Pengecualian Keluarga akan berkuatkuasa di semua kasino Singapura, bilik mesin jackpot di kelab privet dan akaun judi dalam talian Singapore Pools.

